



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



ANWAR Ibrahim melihat Pameran Era Pascanormal Madani ketika hadir merasmikan majlis itu di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Mekanisme subsidi diesel dimaklum masa terdekat

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mekanisme dan tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api diesel akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan akan memberikan penjelasan berhubung perkara itu.

"Ada orang tanya mengapa? Bukan semua Perdana Menteri yang lakukan. Saya beri gambaran, kerangka besar kemudian akan ada tindakan susulan.

"Sebab itu saya bezakan perkara dasar dan titik bengkok," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Pameran

Era Pasca Normal Madani, di sini semalam.

Selasa lalu, Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas diesel sekali gus dapat memberi penjimatan kepada kerajaan sekitar RM4 bilion setahun.

Dalam pada itu, Anwar menemplantak kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang mengajak Perdana Menteri agar turun ke pasar-pasar basah bagi meninjau kenaikan harga barang yang semakin menghimpit rakyat.

Perdana Menteri berkata, beliau setiap masa turun padang mendekati rakyat untuk melihat sendiri keluhan mereka berhubung masalah dihadapi.

"Kerja saya saban minggu, saya ke warung kecil, ke pasar,

tiap kali sebelum jumaat tanya (rakyat) harga.

"Saya fikir dia elak jawapan parti itu dukung tauke besar," katanya.

Sementara itu, berhubung dengan isu Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran atau 'parallel pathway', Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Terdahulu dilaporkan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi satu-satunya universiti yang menawarkan program *parallel pathway* dengan kerjasama IJN dalam bidang kardiotoraks.

Mengulas mengenai calon Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang baharu, Anwar berkata, calonnya sudah dike-

nal pasti.

"Proses pemilihan ketua baharu SPR itu telah dilakukan dan perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Timbalan Pengerusi SPR tidak terlibat dalam proses pemilihan Pengerusi suruhanjaya itu kerana kerajaan mengikut proses ditetapkan selama ini," jelasnya.

Anwar juga turut diminta mengulas mengenai calon Yang Dipertua Dewan Negara dan beliau berkata, ia akan ditentukan selepas berbincang bersama pimpinan parti Gabungan Parti Sarawak (GPS) esok.

Katanya, beliau akan berbincang dengan pimpinan parti pada peringkat awal dan seterusnya pimpinan Sarawak selepas mengadakan kunjungan ke Sarawak.



PENYASARAN subsidi diesel dijangka menyelesaikan masalah penyeludupan bahan api itu yang banyak berlaku di sempadan negara.

Subsidi bersasar mampu elak penyeludupan

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan melaksanakan subsidi diesel bersasar mampu menangani aktiviti penyeludupan bahan api itu di sempadan negara, menurut pakar ekonomi.

Penganalisis ekonomi, Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Nanthakumar berkata, masalah penyeludupan diesel dapat dikurangkan kerana penyeludup terpaksa membayar harga lebih tinggi, mengikut pasaran.

Beliau berkata, penyeludupan minyak diesel sering berlaku di sempadan kerana harga pasaran diesel negara jauh lebih rendah dari negara jiran.

"Dengan terlaksana subsidi bersasar, agenda penyeludupan mampu dikurangkan kerana pe-

nyeludup terpaksa membayar harga yang tinggi berbanding keadaan semasa.

"Tetapi jika harga pasaran lebih rendah daripada tawaran harga diesel di negara jiran, penyeludupan tetap berlaku," jelasnya.

Utusan Malaysia baru-baru ini melaporkan, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju melaksanakan subsidi bersasar bahan api ke atas diesel terlebih dahulu sebelum disusuli RON95.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, subsidi bersasar diesel itu hanya melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

"Bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan, kerajaan terus menyediakan subsidi diesel kepada para peniaga yang menggunakan kenderaan komersial ber-

motor diesel melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berpendapat, pelaksanaan subsidi diesel bersasar boleh menjimatkan kewangan kerajaan.

Pada masa sama kata beliau, langkah itu juga boleh membantu menyelesaikan masalah hutang yang kini mencapai 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Bagaimanapun katanya, dasar itu juga boleh meningkatkan kadar inflasi seterusnya memberi kesan kepada rakyat terutama golongan B40 dan M40.

14 individu ditahan, diesel, rokok RM35 juta dirampas

PETALING JAYA: Seramai 14 lelaki termasuk 10 warga asing ditahan menerusi empat serbuan operasi bersepadu di Sarawak membabitkan rampasan lebih RM35 juta pada 20 hingga 23 Mei lalu.

Operasi itu adalah Op Taring Bravo 1, Op Taring Alpha 1 dan Op Taring Alpha 2 dijalankan melalui Perisikan Siasatan Khas (PSK) bersama beberapa agensi penguatkuasaan lain.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Kamarudin Md Din berkata, pada 20 Mei lalu, Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Sarawak membuat tiga serbuan di Bintulu dengan serbuan pertama me-

nahan seorang lelaki tempatan.

Katanya, sebanyak 32 liter diesel subsidi, 32 tangki IBC serta empat pam minyak beserta hos dianggarkan bernilai RM140,200 telah dirampas.

"Serbuan kedua pula berjaya menahan seorang lelaki tempatan dan merampas 10,300 liter diesel subsidi, 16 tangki IBC, tiga pam beserta hos serta satu meter digital dianggarkan bernilai RM54,093.

"Serbuan ketiga membabitkan sindiket penyeludupan minuman keras dan rokok tidak bercukai adalah hasil kerjasama risikan pihak polis dengan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA).

"Dalam serbuan itu, kami menahan enam lelaki warga asing

dan merampas 7.72 liter minuman keras, 250,000 batang rokok dan dua van dianggarkan lebih RM3.11 juta," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, serbuan keempat pula disertai pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) cawangan Miri yang membawa kepada penahanan dua lelaki tempatan serta empat lelaki warga asing.

"Dalam serbuan itu, kami merampas 146,720 liter diesel subsidi, dua bot tunda, kapal tangki minyak serta tiga pam minyak beserta hos, sebuah pacuan empat roda, lori, tangki skid, dua tangki besi serta dua tangki IBC dianggarkan bernilai lebih RM32 juta," ujarnya.

RASIONALISASI SUBSIDI BAHAN API

Langkah sukar namun berani!

Kuala Lumpur

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil langkah yang pastinya memerlukan namun berani untuk merasionalisasikan subsidi bahan api, tidak seperti kalangan pemimpin sebelumnya dan menolak godaan untuk muncul sebagai populis.

Menurusi langkah sukar itu, beliau mengutamakan ekonomi dan rakyat, apabila penjaminan RM4 bilion setahun dalam merasionalisasikan subsidi diesel sahaja, adalah jumlah yang besar yang boleh dimanfaatkan untuk menambah baik kehidupan rakyat.

Namun yang lebih penting ialah rasionalisasi diesel akan mengekang penyulupan yang berlaku sejak berdekad lamanya sehingga mengakibatkan Malaysia ketirisan berjuta-juta ringgit hampir setiap hari.

Kalangan pihak yang menentang langkah itu serta ahli politik pembangkang telah mengkritik beliau namun, sudah sampai masanya untuk seseorang mengakhiri penyulupan diesel secara terang-terangan ke negara jiran.

Anwar berbuat sedemikian, mengambil langkah sukar dan tegas yang semua pemimpin terdahulu tidak dan enggan merasionalisasikan subsidi bahan api, sehingga mengakibatkan ketirisan melalui penyulupan berterusan tanpa henti.

Mesaj beliau ketika mengumumkan rasionalisasi diesel adalah jelas, iaitu, pembayaran subsidi berterusan secara menyeluruh yang memberi faedah kepada semua adalah tidak mampan.

Tertanya tanya sama ada pengkritik rasionalisasi itu sebenarnya dibutakan dengan semua penyulupan berterusan dan kehilangan berjuta-juta ringgit, atau sebaliknya.

Jumlah wang yang dibayar untuk membiayai subsidi juga menjadi hal yang sukar dibayangkan.

Berdasarkan laporan Tinjauan Fiskal 2024 yang diterbitkan Kementerian Kewangan, jumlah perbelanjaan subsidi Malaysia melonjak daripada RM14.2 bilion pada 2010 kepada anggaran RM70.3 bilion pada 2022.

Bagian terbesar adalah untuk subsidi bahan api,

yang berjumlah RM52 bilion atau 74 peratus daripada jumlah subsidi.

Tidak dinafikan akan ada pihak yang mengambil kesempatan daripada isu itu untuk meraih manfaat politik namun, mereka tidak boleh mempertikaikan kenyataan bahawa pembayaran subsidi yang besar itu secara keseluruhannya tidak mampan, jika berlaku, mungkin hanya mewujudkan budaya pergantungan.

Sekali lagi persoalannya adalah sama ada kalangan ini begitu buta dengan semua penyulupan yang berlaku di sepanjang sempadan Malaysia malah, jiran di selatan mengambil kesempatan daripada bahan api kita yang lebih murah.

Keterangan lalu dalam menumpukan isu subsidi menyebabkan hutang dan liabiliti negara mencecah RM1.5 trilion atau 82 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurut Hong Leong Investment Bank pemansuhan subsidi bahan api akan menjadikan harga di pam meningkat sebanyak 64 peratus bagi RON95 dan 61 peratus untuk diesel - masih akan menjadi yang terendah di-blok Asean, kecuali Brunei.

Bank pelaburan itu menganggarkan langkah terbabit akan membawa penjaminan tahunan RM29 bilion dan secara hipotesis, akan mengurangkan defisit fiskal daripada 4.3 peratus daripada KDNK (sasaran 2024 oleh kerajaan) kepada 2.8 peratus.

Mengenai inflasi, bank itu menganggarkan setiap kenaikan 10 peratus harga RON95 dan diesel akan meningkatkan Indeks Harga Pengguna sebanyak 0.51 mata peratusan pada asas setahun-penuh, tambahnya.

Pujian seharusnya diberikan kepada Kerajaan Madani kerana memutuskan untuk melakukan sesuatu yang sukar dan tidak menyenangkan yang sekian lama tertangguh serta merasionalisasikan subsidi diesel untuk meningkatkan kewangan negara dan menambah baik taraf hidup rakyat.

Perbuatan sejurus pengumuman baru-baru ini kebanyakannya tertumpu pada garis masa de-



LAPORAN Harian Metro bertarikh 13 Mei lalu mendedahkan ketirisan dalam subsidi diesel di negeri bersempadan dengan negara jiran.



barang tarikh walaupun rasionalisasi subsidi pertama kali diumumkan akan sama masa pembentukan Belanjawan 2024.

Namun begitu, inisiatif bagi tujuan itu akan dimulakan tahun ini dengan langkah rasionalisasi bermula dengan bahan api diesel dan melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia sahaja.

Demi melindungi rakyat daripada kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang ketara, kerajaan akan terus memberi subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan bermotor diesel komersial melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang mengikut Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Usaha itu juga akan membabitkan pengasas-bas dan teksi. Kerajaan juga akan

terus memberi subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu.

Biarpun mekanisme itu belum dimuktamadkan lagi namun, daripada pengumuman baru-baru ini banyak pihak boleh menjangkakan formulanya mungkin membabitkan gabungan bahan api bersubsidi serta pemindahan tunai untuk kumpulan sasar.

Walaupun jika diteliti lebih mendalam, rasionalisasi itu akan menjadi satu proses yang menjerikkan, lebih mudah diungkapkan daripada dilaksanakan - kerana membabitkan beberapa kementerian, agensi, jabatan dan negeri.

Contohnya, sektor seperti perikanan, pengangkutan dan pekebun kecil berada di bawah tiga kementerian yang berbeza selain mempunyai pelbagai kategori.

Justeru, rasionalisasi terhadap subsidi - yang berakar-umbi dalam masyarakat Malaysia selama beberapa dekad, tidak akan semudah melambung syiling dalam tindakan untuk membuat keputusan.

Jelas ketara kerajaan melangkah secara berhati-hati untuk memastikan tiada pihak yang terpinggir.

Rasionalisasi subsidi diesel akan dilaksanakan apabila mekanisme yang betul ditetapkan dan bukan melakukannya secara tergesa-gesa.

Sudah tentu, seperti semua langkah pelaksanaan dasar, akan berlaku kesukaran jangka pendek di peringkat awal kerana kerumitan isu itu sendiri selain melibatkan sebahagian besar rakyat.

Persoalannya, sama ada rasionalisasi subsidi akan menghentikan ketirisan akibat penyulupan.

Jawapannya, secara menyeluruh, tidak.

Kalangan pihak yang tidak bermoral akan terus mencari jalan untuk menyeludup minyak bersubsidi, terutama diesel.

Namun, berlandaskan mekanisme yang betul, kegiatan itu boleh ditekankan sebanyak mungkin.

Memetik ungkapan pemimpin spiritual dan tokoh politik tersohor dari India Mahatma Gandhi, 'dunia ini memberikan perkara yang cukup untuk memenuhi keperluan setiap insan namun, bukan untuk orang yang rakus dan tamak.'

Tahan 14 lelaki, buat rampasan bernilai RM35.94j

Kuala Lumpur: Polis menahan 14 lelaki termasuk 10 warga asing dalam empat serbuan berasingan menerusi operasi khas Biro Jenayah Hidupan Liar/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sekitar Bintulu, Sarawak dengan nilai rampasan berjumlah RM35.946 juta.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman Datuk Seri Mohd Kamarudin Md Din dalam satu kenyataan berkata, tiga daripada serbuan itu dijalankan serentak pada Isnin lalu (20 Mei) manakala satu lagi serbuan pada Khamis (23 Mei).

Beliau berkata, dalam serbuan pertama, pihaknya menahan seorang lelaki dan merampas 32,000 liter diesel bersubsidi, 32 tangki Intermediate Bulk Container (IBC) serta empat pam minyak berserta hos dengan nilai dianggarkan RM140,200 dengan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mohd Kamarudin berkata, dalam serbuan kedua, pihaknya menahan seorang lelaki dan merampas 10,030 liter diesel bersubsidi, 16 tangki IBC, tiga pam minyak berserta hos dan sebuah meter digital ber-

nilai RM54,093 dan kes disiasat mengikut akta sama.

Dalam serbuan ketiga dengan kerjasama Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA), katanya pihaknya menahan enam lelaki warga asing dan merampas 7,172 liter minuman keras pelbagai jenis bersama 250,000 rokok pelbagai jenama dan dua van bernilai RM3.118 juta.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967, Seksyen 6(1)© dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155).

Dalam serbuan terakhir pada Khamis lepas dengan kerjasama MCBA dan turut disertai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Miri, Mohd Kamarudin berkata enam lelaki termasuk empat warga asing ditahan.

Menurut beliau sebanyak 146,720 liter diesel bersubsidi, dua bot tunda, sebuah kapal tangki minyak, tiga pam minyak berserta hos, sebuah lori bonded, sebuah tangki skid serta dua tangki IBC bernilai RM32.633 juta dirampas manakala kes turut disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Anti-smuggling op nets RM35m in seizures

KUALA LUMPUR: Police have conducted four raids, seized items worth RM35.94 million and arrested 14 men, including 10 foreign nationals, in a special operation around Bintulu in Sarawak.

Bukit Aman Internal Security and Public Order Department director Datuk Seri Mohd Kamarudin Md Din said three raids were conducted simultaneously on May 20 while the last raid was conducted on May 23.

In the first raid, a man was arrested and 32,000 litres of subsidised diesel, 32 intermediate bulk containers (IBC), four fuel pumps and hoses worth RM140,200 were seized. In the second raid, a man was arrested and 10,030 litres of subsidised diesel, 16 IBC, three fuel pumps, hoses and a digital meter worth RM54,093 were seized.

In the third raid, six foreigners were arrested and 7,172 litres of alcohol, 250,000 cigarettes and two vans worth RM3.11 million were seized. In the last raid, six men, including four foreigners, were arrested and 146,720 litres of subsidised diesel, two tugboats, a fuel tanker vessel, three fuel pumps with hoses, a bonded truck, a skid tank and two IBC worth RM32.63 million were seized.

Mohd Kamarudin said the first, second and fourth cases are being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 while the third case is being investigated under Section 135 of the Customs Act 1967 and sections 6(1)(c) and 15(1)(c) of the Immigration Act 1959/63.

He added that the department has conducted 82 raids throughout the country and arrested 185 individuals to curb smuggling activities from Jan 1 to May 24.

— Bernama

Joint efforts to curb subsidised items leak at border

KOTA BHARU: The Kelantan Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the state Caltex Dealers Association will continue to collaborate to combat the leakage of subsidised commodities at the Malaysia-Thailand border.

State Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Azman Ismail said for cases at the border, they will focus on the 96km river area between Kelantan and Thailand.

"We have a special unit, including other agencies such as the military, police, Immigration Department and the Customs Department to prevent leakage of diesel, cooking oil, sugar and flour. The most challenging issue is when perpetrators cross the border as our jurisdiction is limited to the state."

Association chairman Che Din Mohamad said petrol station operators in the state have declared their commitment to continue following government guidelines to prevent diesel subsidy leakage committed by irresponsible parties. – Bernama

Plugging subsidy leaks at Thai border

KOTA BARU: The Kelantan Domestic Trade and Cost of Living Ministry will continue to combat subsidy leakage at the Malaysia-Thailand border, says its director Azman Ismail.

This is in collaboration with the Kelantan Caltex Dealers Association (PDCK).

He said the focus is on the 96km river area between Kelantan and Thailand.

"We have a special unit together with other agencies including the military, police, Immigration Department and the Customs Department to prevent leakages involving supplies such as diesel, cooking oil, sugar and flour.

"The most challenging issue is when perpetrators cross the border, as our jurisdiction is limited to this state only," he told Bernama.

PDCK chairman Che Din Mohamad said petrol station operators in Kelantan had stated their commitment to continue following government guidelines to prevent diesel subsidy leakage.

"If we receive reports of leakage with solid evidence among petrol station operators, especially within our association, we will not hesitate to hand the matter over to the authorities," he said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pastikan kekuatan ekonomi selari kos sara hidup rakyat

● Usaha ini menjurus kepada peningkatan pendapatan melalui usaha penambahbaikan dalam ekosistem sektor formal dan tidak formal

● Jangka masa bagi menilai keberhasilan usaha penajajaran pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat berbeza-beza, bergantung kompleksiti ekosistem sektor formal dan tidak formal

Oleh Dr Chakrin Utit
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia

Perutusan Negara disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim Selasa lalu memberikan mesej jelas mengenai kedudukan ekonomi negara dan rakyat ketika ini.

Sehingga suku pertama 2024, ekonomi negara dilapor mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan pada kadar 4.2 peratus, diiringi perkembangan dalam pasaran buruh dan perdagangan luar negeri, serta pengendalian tingkat inflasi pada kadar yang rendah.

Perkembangan ini adalah satu pencapaian membanggakan, membuktikan kekuatan asas ekonomi negara dalam memenuhi pelbagai cabaran ekonomi semasa.

Selaras dengan konsep Ekonomi MADANI, pencapaian makroekonomi berkenaan sepatutnya diterjemah kepada kedudukan ekonomi rakyat lebih baik.

Namun realitinya, pencapaian itu dilihat tidak memberikan impak besar kepada ekonomi rakyat klian dihipit dengan bebanan sara hidup. Dalam erti kata lain, pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat ketika ini tidak sejajar.

Petikan daripada perutusan berbunyi, "kita terperangkap dalam kitaran ekonomi berbahaya, kos tinggi, gaji rendah" mengesahkan realiti ini. Oleh itu, pujian perlu diberikan kepada kerajaan kerana berani menyuarakan hakikat berkenaan. Berdasarkan perutusan disampaikan, antara usaha dilihat cuba ditekankan kerajaan bagi menajarkan arah pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat adalah melalui peningkatan pendapatan rakyat.

Jika dilihat dengan lebih mendalam, usaha ini menjurus kepada peningkatan pendapatan melalui usaha penambahbaikan dalam ekosistem sektor formal dan tidak formal.

Bagi sektor formal, ia merangkumi pekerjaan dalam sektor awam dan swasta, manakala bagi sektor tidak formal membabitkan aktiviti ekonomi tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa, sama ada di peringkat tempatan (PBT) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Kebiasaannya, ia membabitkan aktiviti berasaskan pertanian, perniagaan makanan dan operator perkhidmatan kecil-kecilan.

Bagi sektor awam, pengumuman Perdana Menteri pada 1 Mei lalu mengenai kenaikan tingkat gaji bermula Disember 2024 menunjukkan tindakan

proaktif kerajaan dalam menambah baik taraf hidup penjawat awam.

Berbanding sektor awam, usaha diambil kerajaan bagi menambah baik pendapatan pekerja dalam sektor swasta lebih bersifat jangka sederhana dan panjang.

Hal ini kerana Industri perlu disediakan sebaiknya bagi memastikan mereka boleh membayar gaji lebih tinggi disebabkan rata-rata industri di Malaysia terdiri daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Dasar Gaji Progresif

Dalam jangka sederhana, antara usaha penting boleh dilihat membabitkan komitmen kerajaan menggubal Dasar Gaji Progresif. Dengan adanya sistem ini, kemelut gaji rendah dalam kalangan graduan dan generasi muda akan dapat ditangani kerana mereka tidak perlu lagi menunggu lama sebelum layak menerima kenaikan gaji.

Peralihan kepada sistem gaji ini membolehkan mereka dibayar selaras dengan tahap kemahiran dan produktiviti masing-masing.

“Jika dilihat dengan lebih mendalam, usaha ini menjurus kepada peningkatan pendapatan melalui usaha penambahbaikan dalam ekosistem sektor formal dan tidak formal”

Pelaksanaan gaji progresif tidak semestinya dilakukan secara serentak bagi semua industri, tetapi boleh diterapkan secara berperingkat dalam industri utama yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya.

Dalam jangka panjang pula, tumpuan pembangunan industri baharu bertumbuh dan bernilai tinggi (HGHV) adalah langkah tepat. Namun begitu, negara juga perlu menumpukan kepada pembangunan industri sokongan berada dalam ekosistem industri HGHV berkaitan.

Mengambil contoh industri automatik Jepun dan

Jerman, industri HGHV mereka disokong PMKS berfungsi sebagai pembekal pelbagai komponen utama kepada industri terbabit.

Melalui langkah ini, pembangunan industri HGHV akan menjadi serampang dua mata yang turut membantu mewujudkan PMKS lebih mampan dan berdaya saing.

Selain itu, langkah penstrukturan semula Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) juga penting yang bakal melahirkan lebih ramai bakat tempatan berkemahiran.

Penstrukturan semula TVET akan memperkasa pasaran buruh tempatan dengan menghasilkan graduan berpengetahuan menghadapi perkembangan pesat dalam pelbagai industri didorong teknologi kecerdasan buatan (AI).

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilancar lebih setahun lalu pula membuka peluang kepada kepada pengusaha aktiviti ekonomi tidak formal berasaskan pertanian, perniagaan makanan dan operator perkhidmatan secara kecil-kecilan untuk dihubungkan terus kepada pasaran.

Inisiatif ini membantu menambah pendapatan isi rumah, terutama dalam golongan sasaran IPR iaitu keluarga miskin tegar dan B40, sekali gus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Dalam jangka panjang, IPR bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan, tetapi membantu menggalakkan pengusaha aktiviti ekonomi tidak formal untuk mendaftarkan perniagaan mereka.

Keseluruhannya, jangka masa bagi menilai keberhasilan usaha penajajaran pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat adalah berbeza-beza, bergantung kepada kompleksiti ekosistem sektor formal dan tidak formal.

Bagi sektor formal, jangkaan keberhasilan usaha penajajaran melalui sektor awam mungkin akan dapat dilihat dalam masa terdekat disebabkan gaji penjawat awam sememangnya akan meningkat dalam masa beberapa bulan lagi.

Akan tetapi bagi sektor swasta, jangka masa lebih panjang diperlukan disebabkan ekosistem lebih meluas mengambil kira jenis aktiviti ekonomi, saiz perusahaan, tingkat kemahiran pekerja dan sebagainya.

Bagi sektor tidak formal, kemampuan IPR bagi menghasilkan impak positif bergantung terutama kepada komitmen pengusaha aktiviti ekonomi itu sendiri bagi terus membekalkan produk dan perkhidmatan mereka kepada penggerak IPR untuk dipasarkan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Subsidi bersasar jangan sampai bebbankan rakyat

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memastikan kaedah mekanisme subsidi bersasar dilaksanakan dengan teliti supaya mencapai objektif sewajarnya dan tidak membebankan rakyat.

Presiden Persatuan Pengguna Kadah (Calek), Mohammad Yusrizal Yusoff berkata, subsidi bersasar ini perlu dilaksanakan secara berperingkat supaya tidak berlaku 'teori domino' di mana golongan M40 akan menanggung beban jika golongan M40 dan T20 terjejas.

"Kita bari sahaja semua peralatan tuif air dan elektrik. Rakyat harap pentadbiran sub-

sidi diesel tidak berlaku secara serentak kerana golongan M40 serta T20 sudah rasa gelombangnya.

"Penyasaran subsidi ini kita risau jika kos harga bahan menjadi lebih mahal dan ada peniaga yang ambil kesempatan terhadap keperluan asas ini," katanya.

Menurut Yusrizal, pengunkaasaan perlu tegas dalam hal ini supaya keadaan seperti dahulu tidak berulang di mana apabila harga minyak meningkat, harga barang yang lain juga naik.

Katanya, syarikat-syarikat

besar pula dipantau bagi membendung kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Sementara itu, petyasarah di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr. Nuzli Ridwan Shah Mohd. Dali berkata, pelaksanaan subsidi bersasar ini perlu dipantau dari segi kawalan harga barang dan kadar inflasi semasa.

"Jika kadar inflasi tidak melebihi dampak dua peratus, pelaksanaan subsidi bersasar itu tidak memberikan kesan kepada kos sara hidup kerana kadar inflasi tersebut tidak terlalu tinggi

tetapi perlu dilakukan dengan betul.

"Jika berlaku sebaliknya, kemungkinan kos lain juga meningkat kerana diesel dan juga petrol, dan perkara ini merupakan 'ibu' kepada faktor-faktor kos lain" ujarnya.

Sementara itu, Anggota Sekutu Malaysia di Pusat Pilihan Pengguna (GCC), Tarmizi Anwar berkata, pengedaran subsidi diesel pasti akan memberi kesan besar kepada sektor logistik jika tidak dibelukan dengan betul, seterusnya kesan rantaian kepada pengguna.

Menurut beliau, kos bahan

ini adalah sebahagian besar dampak jumlah perbelanjaan logistik kerana harga diesel secara langsung akan menyebabkan kos pengangkutan lebih tinggi.

"Ini boleh mengejutkan keseluruhan rantaian bekalan, kerana barangan menjadi lebih mahal untuk berpindah dan jadi pengeluar kepada pengguna," katanya.

Dalam pada itu, Tarmizi turut menyarankan supaya pihak kerajaan mempertimbangkan dengan wajar pelaksanaan fasa penghapusan subsidi secara berperingkat dan telus.



ROSALI ALLANI
ABDUL KADIR

KETIKA lawatan ke Jepun, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanya dua soalan kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, "Kenapa dia sibuk mempertahankan golongan kaya dan orang luar?" dan "Adakah Perikatan Nasional (PN) akan terus memberikan subsidi kepada golongan kaya dan orang luar (sekitarnya berkuasa)?"

Dua soalan ini sememangnya soalan-soalan membunuh (*killer questions*) kerana rekod umum ada bahawa Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, juga tidak bersetuju dengan pemberian subsidi pukal dan mahukan subsidi bersasar kerana kata beliau pada 30 Julai 2022 kajian mendapati 50 atau 51 peratus daripada subsidi kerajaan digunakan oleh orang kaya.

Atas sebab ini Ketua Pembangkang tidak mampu menjawab kedua-dua soalan Perdana Menteri. Sebaliknya beliau hanya mengeluarkan ungkapan retorik yang siapa sahaja pun boleh buat, iaitu "Dasar PN adalah jelas, iaitu kami akan sentiasa membela rakyat dan akan terus berusaha untuk membesarkan kek ekonomi negara agar kemakmuran dapat dinikmati bersama."

Jawapan Ketua Pembangkang ini langsung tidak menjawab kedua-dua soalan Perdana Menteri. Kenyataan "PN akan sentiasa membela rakyat dan akan terus berusaha untuk membesarkan kek ekonomi negara" ini seperti bermakna PN akan meneruskan pemberian subsidi pukal tetapi jika benar begitu mengapa beliau tidak ada keberanian untuk menyatakannya secara terbuka?

Apa usaha yang PN buat untuk membesarkan kek ekonomi negara ini gagal dijelaskan. Mengapa PN berpendapat ia perlu terus memberikan subsidi kepada golongan kaya dan orang luar juga gagal dijelaskan. Lebih penting lagi mengapa Ketua Pembangkang berbeza pandangan dengan Pengerusi PN yang tidak bersetuju dengan pemberian subsidi pukal juga gagal dijelaskan.

Ketua Pembangkang juga membuat tiga dakwaan liar tanpa penjelasan dan tanpa perincian mengenai pengumuman pemberian subsidi bersasar diesel oleh

Kritikan terhadap subsidi diesel umpama tong kosong



KETUA Pembangkang membuat tiga dakwaan liar tanpa penjelasan dan tanpa perincian mengenai pengumuman pemberian subsidi bersasar diesel oleh Perdana Menteri. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Perdana Menteri.

Dakwaan pertama ialah "Akan ada sekumpulan besar rakyat perlu membayar RM4 bilion itu dari 'kals pagi, makan pagi' mereka. Siapa yang akan tanggung kenaikan kos ini? Pastinya, kumpulan M40 dan B40 yang paling merasai impaknya".

Dakwaan kedua ialah "Isu pokok yang meresahkan rakyat adalah kesan pemotongan subsidi minyak terhadap keseluruhan rantai ekonomi, yang pastinya akan melonjakkan lagi kos sara hidup rakyat".

Dakwaan ketiga ialah "Jangkaan seorang Pensyarah Kanan Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) harga barangan akan naik antara 3 hingga 5 peratus susulan pemotongan subsidi minyak. Bila itu berlaku, siapa mangsanya?"

Dakwaan pertama ialah dakwaan paling karut sekali kerana terang-terang sudah dinyatakan oleh Perdana Menteri bahawa penjaminan RM4 bilion ini adalah diambil dari kumpulan T20 dan warga asing. Ia juga dikembalikan kepada golongan miskin melalui pelbagai bentuk

Mengapa PN berpendapat ia perlu terus memberikan subsidi kepada golongan kaya dan orang luar?"

bantuan.

Cubaan menggunakan kenyataan seorang Pensyarah Kanan Ekonomi dari UKM bahawa akan berlaku kenaikan harga barangan antara 3 hingga 5 peratus susulan pemberian subsidi bersasar diesel ini juga adalah satu cubaan tidak bertanggungjawab oleh Ketua Pembangkang.

Kenyataan Dr. Ahmad Monir Abdullah pada 24 Mei ini dipetik secara terpisah dan tidak diberikan sepenuhnya oleh Ketua Pembangkang sehingga memberi gambaran salah seolah-olah beliau memberikan persepsi negatif ke atas cadangan pemberian subsidi bersasar diesel ini.

Ahmad Monir sebenarnya menyebut cadangan ini akan membolehkan kerajaan menjimatkan perbelanjaan dan menyalurkannya kepada program dan inisiatif yang lebih bermanfaat kepada rakyat sekali gus dapat meningkatkan kesejahteraan dan kuasa beli rakyat dalam jangka panjang.

Beliau juga menyebut mungkin akan berlaku peningkatan harga barang dan perkhidmatan, tetapi peningkatan ini "masih dalam lingkungan terkawal" dan "dijangka hanya sementara yang boleh diselarasakan melalui mekanisme kerajaan yang efisien".

Ketua Pembangkang juga tidak bertanggungjawab kerana hanya memetik secara luar konteks kenyataan seorang Pensyarah Kanan Ekonomi sedangkan kenyataan positif daripada pakar-pakar ekonomi bertaraf Profesor dan Profesor Emeritus yang jauh lebih berwibawa tidak dipetik sama.

Contohnya, Pakar Ekonomi dan Provost Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Profesor Emeritus Dr. Barjoiy Bardai menulis

dalam rencana beliau pada 24 Mei: "Kerajaan akan terus memberikan subsidi kepada kumpulan kenderaan memberikan perkhidmatan kepada orang awam termasuk semua jenis bas seperti bas mini dan pengantara, kenderaan awam dan pembekal perkhidmatan asas. Jadi dengan penghapusan subsidi pada diesel ini, harga barang dan perkhidmatan pengguna dijangka tidak naik."

Begitu juga Pakar Ekonomi daripada Universiti Sunway, Profesor Dr. Yeah Kim Leng, yang berkata pada 22 Mei: "Langkah kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi bahan api bermula dengan diesel dilaksanakan secara berhati-hati dengan pelbagai kumpulan sasaran terlindung daripada kesan kenaikan harga menerusi bantuan kad pembayaran bahan api dan bayaran tunai. Kos pengangkutan juga tidak sepatutnya meningkat kerana kebanyakan pengendali diherikan subsidi diesel."

Analisis bank-bank tempatan juga positif. CIMB Securities contohnya berkata pada 23 Mei: "Kami percaya kebanyakan kenderaan komersial yang digunakan untuk pengangkutan darat oleh syarikat pengguna berkemungkinan layak untuk skim Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), memastikan harga produk kekal tidak terjerbas."

Hong Leong Investment Bank (HLIB) pula berkata pada 24 Mei: "Kesan inflasi daripada penyerasan subsidi diesel sebarusnya boleh diurus kerana bahan api itu hanya menyumbang 0.2 peratus dalam bakul indeks harga pengguna (IHP) kerana logistik dan pengangkutan awam akan kekal mendapat subsidi."

Ringkasnya, kenyataan media Ketua Pembangkang ini penuh dengan kritikan tidak berasas terhadap kerajaan dan lebih malang lagi ia tidak disertakan dengan sebarang perincian dasar alternatif yang jelas, spesifik dan lebih baik yang ditawarkan oleh PN. Ia umpama tong kosong, hanya mampu mengkritik tetapi gagal menyediakan solusi yang praktikal dan efektif.

DR. Rosli Allani Abdul Kadir ialah Ahli Majlis Pimpinan Negeri PKR Kelantan.

Umum perincian dalam masa terdekat - PM

Menteri Kewangan II akan jelaskan mekanisme, tarikh pelaksanaan subsidi diesel bersasar

KUALA LUMPUR

Mekanisme dan tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api diesel akan dimaklumkan pada masa terdekat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, perkara itu akan dijelaskan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan kerana beliau sudah pun memberikan gambaran mengenainya dan kini hanya perlu tindakan susulan.

"Ada orang tanya mengapa? Bukan semua Perdana Menteri yang lakukan. Saya beri gambaran dan kerangka besar, kemudian akan ada tindakan susulan," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Pameran Era Pasca Normal Madani di sini pada Ahad.

Dalam Perutusan Negara yang disampaikan Selasa lepas, Anwar berkata, Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas diesel sekali gus memberi penjimatan sekitar RM4 bilion setahun kepada kerajaan.

Bagaimanapun penyasaran itu tidak melibatkan pengguna di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu ketika ditanya me-



Anwar (kiri) meluangkan masa melawat Pameran Era Pasca Normal Madani di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada Ahad.

ngenai calon jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, calonnya sudah pun dikenal pasti.

"Kita sudah ikut prosesnya dan ia harus dapat perkenan Yang di-Pertuan Agong," katanya sambil menambah proses pemilihan calon itu tidak memerlukan kerajaan berunding dengan Timbalan Pengerusi SPR sedia ada.

Jawatan pengerusi suruhanjaya itu kosong sejak persaraan Tan Sri Abdul Ghani Salleh pada 9 Mei lepas.

Menyentuh mengenai pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara baharu bagi menggantikan Senator Datuk Mutang Tagal yang meninggal dunia pada 10 Mei lepas, Anwar ber-

kata, perkara itu akan dibincangkan hari ini ketika berada di Sarawak.

"Pada peringkat awal kita akan bincang dengan kepimpinan parti, kemudian bersama pimpinan (kerajaan negeri Sarawak) kerana perkhidmatan dua Yang di-Pertua (sebelum ini) tamat sebelum tempoh. Jadi saya akan bincang perkara ini esok (Isnin) di Sarawak," jelasnya.

Menjawab isu program pascasiswazah pembedahan kardiotoraks di Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah menimbulkan perdebatan dan bantahan, Anwar berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet pada Rabu ini.

"Kita akan bincang Rabu ini, mesyuarat Kabinet Rabu ini," tambah beliau. - Bernama

Rakyat ingin tahu pakej bantuan akan diterima hasil penjimatan subsidi - Muhyiddin

SHAH ALAM - Kerajaan sepatutnya memberi penjelasan terperinci mengenai langkah yang akan diambil untuk menampun kesan penarikan balik subsidi ke atas kenaikan kos sara hidup rakyat, kata Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin.



MUHYIDDIN

Menurutnya, ini kerana kesan penarikan balik subsidi ini ke atas kenaikan harga barang dan kos sara hidup adalah satu kebimbangan yang berasas, susulan pengumuman penyelarasan semula subsidi diesel oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

"Lebih mengecewakan, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan tidak memberikan penjelasan secara terperinci bagaimana isu beban kos sara hidup rakyat akan ditangani secara tuntas oleh kerajaan akibat penarikan balik subsidi diesel dan selepas ini RON95.

"Tiada penjelasan terperinci bagaimana kerajaan akan membelanjakan hasil penjimatan subsidi sebanyak RM4 billion. Berapa banyak nilai bantuan yang akan dinaikkan untuk manfaat rakyat? Siapa akan menerimanya? Ini juga tidak dijelaskan secara terperinci oleh Perdana Menteri.

"Rakyat ingin tahu apakah pakej-pakej bantuan yang akan diterima oleh mereka hasil penjimatan subsidi," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Tambah beliau lagi, kadar pertumbuhan ekonomi, nilai pelaburan dan inflasi yang dinyatakan Anwar juga tidak menggambarkan situasi sebenar yang dihadapi oleh rakyat.

"Kerana itu, ketika berucap di Parlimen Mac lalu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menangguhkan pelaksanaan rasionalisasi subsidi, khususnya subsidi diesel dan petrol.

"Apatah lagi kerajaan baru sahaja melaksanakan penyasaran semula subsidi elektrik pada bulan Januari 2024, cukai barang bernilai rendah pada Januari 2024, kenaikan tarif air pada Februari 2024 dan kenaikan cukai SST pada Mac 2024," tegasnya.

Kaji semula kenderaan layak terima subsidi diesel

ALOR SETAR – Kerajaan diarahkan mengkaji semula senarai kenderaan yang layak menerima subsidi di diesel di bawah Program Subsidi Diesel Bersepadu.

Pengusaha kebun sayur, Mohamad Najmi Ghazali, 37, berkata, trak pickup banyak digunakan oleh usahawan namun kenderaan tersebut tidak tersenarai sebagai penerima subsidi di diesel mahupun program Diesel Card (SKDS) atau Insentif Bayaran Tular (GadAgist).

"Kebanyakan pengusaha kecil dan sederhana (SMK) dalam sektor pertanian memilih trak pickup, berbanding lori" sebagai kenderaan pengangkutan harian dan rutin pekerjaan mereka," ujarnya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, dalam situasi ekonomi yang semakin meruncit sudah tiba masanya kerajaan mengkaji semula aka pengangkutan jalan berkaitan trak pickup khususnya untuk kegunaan bidang pertanian agromakanan.

"Majoriti golongan ini memilih trak pickup berdasarkan skala perniagaan kecil dan faktor pelbagai guna terutamanya di kawasan pedalaman, tanah inggit, bandarung, kawasan maridat yang sering berlaku bencana alam tidak dapat diurus kenderaan berat.

"Kebanyakan digunakan dalam industri pertanian sebagai kenderaan mengangkut, memindah dalam kawasan ladang," tambahnya.



MOHAMAD NAJMI



SUAIRDIE

Petani dari Siti ini berkata, kepentingan trak pickup dalam sektor agromakanan tidak dapat dinafikan malah menjadi pilihan sebagai agensi kerajaan sebagai kenderaan rasmi untuk tujuan lawatan dan pemantauan.

"Kebanyakan golongan pengeluar makanan lebih selesa mendaftarkan trak pickup sebagai kenderaan peribadi kerana berbanding kenderaan perdagangan atau faktor kos pemeriksaan tambahan yang perlu di tanggung mereka.

"Sekiranya syarikat pengeluar makanan dengan jualan hasil kasar RM500,001 ke atas sahaja dan menggunakan trak pickup, anda layak dapatkan sebarang program penyaliran subsidi diesel oleh kerajaan," jelasnya.

Sementara itu, pengusaha Azy Cendol, Suairdie Johan, 44, berkata, pengagihan subsidi diesel kepada peniaga sama ada melalui lori atau kadi debit mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri.

Jelasnya, jika disalurkan secara tunai, kerajaan tidak perlu mengeluarkan kos tambahan untuk pembelian kad debit.

"Tetapi jika secara tunai pula, kerajaan tidak dapat mengawal cara penggunaan bantuan tersebut sama ada peniaga gunakan untuk membeli diesel atau sebaliknya," katanya.

Menurutnya, pengagihan subsidi adalah usaha kerajaan untuk membantu peniaga meningkatkan kos perniagaan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-May	Penyasaran tidak hapus pemberian subsidi - Menteri KPDN	https://www.suarakeadilan.my/post/penyasaran-tidak-hapus-pemberian-subsidi-menteri-kpdn	SUARA KEADILAN
27-May	Live di media sosial dedah penjualan pakaian jenama tiruan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1093671/live-di-media-sosial-dedah-penjualan-pakaian-jenama-tiruan	HARIAN METRO
27-May	Diserbu selepas buat 'live' penjualan pakaian jenama tiruan di media sosial	https://www.buletintv3.my/nasional/diserbu-selepas-buat-live-penjualan-pakaian-jenama-tiruan-di-media-sosial/	BULETIN TV3
27-May	Tak serik, ulang kesalahan sama jual kanta lekap tak berdaftar	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1250717/tak-serik-ulang-kesalahan-sama-jual-kanta-lekap-tak-berdaftar	BERITA HARIAN
27-May	'Kantoi' jual kanta lekap 'haram'	https://www.sinarharian.com.my/article/666435/berita/semasa/kantoi-jual-kanta-lekap-haram	SINAR HARIAN
27-May	MDA rampas 143,286 kanta lekap, jenama tak berdaftar	https://malaysiagazette.com/2024/05/24/mda-rampas-143286-kanta-lekap-jenama-tak-berdaftar/	MALAYSIA GAZETTE
27-May	MDA rampas 143,284 unit kanta lekap tidak berdaftar bernilai RM700,000	https://www.buletintv3.my/nasional/mda-rampas-143284-unit-kanta-lekap-tidak-berdaftar-bernilai-rm700000/	BULETIN TV3
27-May	MDA RAMPAS 143,284 UNIT KANTA LEKAP TIDAK BERDAFTAR BERNILAI RM700,000	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2300936	BERNAMA
27-May	Kanta lekap haram diimport dari Korea bernilai RM700,000 dirampas	https://malaysiatribune.news/2024/05/24/kanta-lekap-haram-diimport-dari-korea-bernilai-rm700000-dirampas/	MALAYSIA TRIBUNE
27-May	Jual kanta lekap 'haram', syarikat dibatal lesen perniagaan diserbu lagi	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/24/jual-kanta-lekap-haram-syarikat-dibatal-lesen-perniagaan-diserbu-lagi/	FREE MALAYSIA TODAY

27-May	Pakar ekonomi cadang endowmen agih penjimatan subsidi, guna klasifikasi isi rumah baharu	https://www.bharian.com.my/kolumnis/2024/05/1250709/pakar-ekonomi-cadang-endowmen-agih-penjimatan-subsidi-guna-klasifikasi-isi	BERITA HARIAN
27-May	Domestic Trade Ministry seizes 70,000 litres of subsidised diesel in Johor	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/26/domestic-trade-ministry-seizes-70000-litres-of-subsidised-diesel-in-johor/136623	MALAY MAIL
27-May	Tiga penyeludup lari tinggalkan 70,000 liter diesel subsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/666828/berita/semasa/tiga-penyeludup-lari-tinggalkan-70000-liter-diesel-subsidi	SINAR HARIAN
27-May	Johor KPDN seizes 70,000 litres of subsidised diesel	https://thesun.my/local_news/johor-kpdn-seizes-70000-litres-of-subsidised-diesel-FO12495123	THE SUN
27-May	KPDN rampas 70,000 liter minyak diesel bersubsidi	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-rampas-70000-liter-minyak-diesel-bersubsidi/	BULETIN TV3
27-May	Authorities confiscate 70,000 litres of subsidised diesel in Johor Baru raid	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/05/26/authorities-confiscate-70000-litres-of-subsidised-diesel-in-johor-baru-raid	THE STAR
27-May	Subsidi bersasar diesel : KPDN, PDCK pertingkat langkah elak ketirisan di sempadan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/subsidi-bersasar-diesel-kpdn-pdck-pertingkat-langkah-elak-ketirisan-di-sempadan-472229	ASTRO AWANI
27-May	SUBSIDI BERSASAR DIESEL: KPDN, PDCK PERTINGKAT LANGKAH ELAK KETIRISAN DI SEMPADAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2301549	BERNAMA
27-May	Subsidi bersasar diesel: KPDN, PDCK pertingkat langkah elak ketirisan di sempadan	https://www.sinarharian.com.my/article/666773/edisi/kelantan/subsidi-bersasar-diesel-kpdn-pdck-pertingkat-langkah-elak-ketirisan-di-sempadan	SINAR HARIAN

27-May	KPDN, PDCK step up measures to prevent subsidy leaks at border	https://thesun.my/local_news/kpdn-pdck-step-up-measures-to-prevent-subsidy-leaks-at-border-OO12492581	THE SUN
27-May	14 lelaki ditahan dalam operasi khas banteras penyeludupan, rampasan bernilai lebih RM35 juta	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/14-lelaki-ditahan-dalam-operasi-khas-banteras-penyeludupan-rampasan-bernilai-lebih-rm35-juta-472190	ASTRO AWANI
27-May	14 lelaki ditahan dalam operasi khas banteras penyeludupan, rampasan bernilai lebih RM35 juta	https://thesun.my/cerita/berita/14-lelaki-ditahan-dalam-operasi-khas-banteras-penyeludupan-rampasan-bernilai-lebih-rm35-juta-FO12491747	THE SUN
27-May	Subsidi bersasar diesel: Muhyiddin dakwa Anwar tak tahu apa perlu dilakukan	https://www.astroawani.com/berita-politik/subsidi-bersasar-diesel-muhyiddin-dakwa-anwar-tak-tahu-apa-perlu-dilakukan-472258	ASTRO AWANI
27-May	Rakyat ingin tahu pakej bantuan bakal diterima hasil penjimatan subsidi - Muhyiddin	https://www.sinarharian.com.my/article/666819/berita/nasional/rakyat-ingin-tahu-pakej-bantuan-bakal-diterima-hasil-penjimatan-	SINAR HARIAN
27-May	Perluas pengecualian subsidi kepada semua pengusaha bas sekolah, gesa persatuan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/26/perluas-pengecualian-subsidi-kepada-semua-pengusaha-bas-sekolah-gesa-persatuan/	FREE MALAYSIA TODAY